

KWSP
EPF

PELAN INTEGRITI & ANTIRASUAH KWSP

PENDAHULUAN

Pelan Integriti & Antirasuah KWSP ini merupakan usaha Pengurusan dalam mendukung aspirasi Kerajaan dalam memastikan Malaysia dikenali dengan integritinya dan bukan kerana rasuahnya. Pelan yang komprehensif dan inklusif ini dibangunkan selaras dengan Pelan Antirasuah Nasional atau “*National Anti-Corruption Plan (NACP) 2019-2023*”.

KWSP telah melaksanakan Pelan Integriti & Tadbir Urus bermula tahun 2015 yang merangkumi aspek governans, integriti dan antirasuah. Bagaimanapun, selaras dengan pelancaran NACP oleh Perdana Menteri pada 29 Januari 2019 dan Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2018 Siri 2, No. 1 Tahun 2019 berkaitan Pelaksanaan Pelan Antirasuah Nasional, Pengurusan KWSP telah menyesuaikan Pelan Integriti & Tadbir Urus dengan mengambil kira falsafah dan inisiatif yang terdapat di dalam NACP dan seterusnya menamakannya sebagai Pelan Integriti & Antirasuah KWSP.

Beberapa faktor diambil kira dalam membangunkan Pelan ini seperti bidang risiko utama, bilangan ahli dan majikan yang semakin bertambah, pertambahan aset dan pelaburan, pengurusan risiko, kawalan dalaman yang dilaksanakan dan kerangka governans yang terdapat di KWSP. Pelan ini telah diluluskan oleh Lembaga KWSP pada 29 April 2020 dan merupakan sebuah dokumen utama organisasi yang menggariskan tindakan menyeluruh dan bersepadu dalam usaha memerangi rasuah dan memartabatkan integriti dalam organisasi.

Kerjasama daripada semua pihak dalam membudayakan integriti merupakan komitmen yang tinggi demi menjayakan aspirasi KWSP sebagai organisasi yang bebas rasuah. Pelan ini juga diharapkan mampu mengatasi kelemahan integriti dan tadbir urus dalam organisasi dan akan sentiasa ditambahbaik dari semasa ke semasa.

PELAN ANTIRASUAH NASIONAL 2019-2023



MAKLUMAT KORPORAT KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA (KWSP)



PERNYATAAN VISI

Membantu ahli mencapai masa depan yang lebih baik.

PERNYATAAN MISI

Melindungi simpanan ahli dan menyediakan perkhidmatan terbaik.



INTEGRITI

- a) Sebagai pemegang amanah kepada simpanan ahli, kita hendaklah menjalankan tanggungjawab dengan penuh amanah, jujur, tulus, ikhlas dan berakhlak mulia sepanjang masa.
- b) Pada bila-bila masa, kepentingan organisasi hendaklah sentiasa mengatasi kepentingan peribadi kita.



UTAMAKAN PELANGGAN

- a) Pelanggan utama KWSP ialah ahli dan majikan.
- b) Dalam apa jua yang kita lakukan untuk pelanggan adalah bertujuan memenuhi keperluan mereka dan jika boleh, melebihi ekspektasi mereka.
- c) Setiap polisi, sistem dan prosedur yang dirangka adalah untuk memudahkan mereka berurusan dengan KWSP.
- d) Hayati sifat-sifat mesra pelanggan seperti gembira memberi layanan bukan sekadar menjalankan tugas, berbudi mulia, sabar, sopan santun, peramah, hormat menghormati, dapat menyesuaikan diri dalam segala keadaan dan bersedia menerima teguran. Kita juga hendaklah memberikan perkhidmatan secara profesional.



PENAMBAHBAIKAN BERTERUSAN

- a) Kita perlu mengadakan penambahbaikan pengurusan simpanan ahli yang berterusan dan menyeluruh.
- b) Penambahbaikan adalah untuk menentukan kita sentiasa memenuhi ekspektasi pelanggan yang akan meningkat dari semasa ke semasa.



SEMANGAT KERJA BERPASUKAN

- a) Sebagai warga organisasi, kita yakin bahawa kerja berpasukan adalah lebih baik daripada secara individu.
- b) Segala tanggungjawab dipikul secara berkumpulan dan keputusan dibuat secara kolektif. Bersatu kita teguh, bercerai kita roboh.
- c) Kita perlu menghayati sifat saling faham memahami, bertolak ansur dan lengkap melengkapi antara satu sama lain ke arah mencapai visi kita.

DASAR KUALITI

KWSP komited membantu ahli mencapai masa depan yang lebih baik melalui penambahbaikan berterusan bagi melindungi simpanan ahli dan menyediakan perkhidmatan yang terbaik.

MAKLUMAT JABATAN INTEGRITI & TADBIR URUS (JITU)

Jabatan Integriti & Tadbir Urus (JITU) ditubuhkan pada Disember 2014 sebagai usaha mewujudkan modal insan KWSP yang mempunyai integriti yang tinggi, bersikap profesional dalam melaksanakan tanggungjawab serta mempamerkan kualiti perkhidmatan yang cemerlang pada setiap masa. JITU memainkan peranan penting bagi memastikan KWSP bebas daripada amalan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa.

Beberapa polisi, program dan inisiatif telah dilaksanakan bagi memastikan tadbir urus yang cekap dan memberikan kesedaran kepada anggota KWSP berkaitan dengan integriti, rasuah dan salah guna kuasa. Berikut adalah ringkasan pengenalan berkenaan JITU:



VISI

- Menjadikan KWSP sebagai sebuah organisasi yang dikenali kerana integritinya di dalam negara dan di peringkat dunia

MISI

- Mewujudkan warga KWSP yang beretika
- Mewujudkan organisasi yang mempunyai kawalan dalaman yang kukuh

DASAR KUALITI

- Menjadikan KWSP sebagai organisasi yang berintegriti kerana modal insannya yang beretika dan kawalan dalaman yang kukuh

(Sumber: Jabatan Integriti & Tadbir Urus – JITU)

CARTA ORGANISASI JABATAN INTEGRITI & TADBIR URUS



FUNGSI JABATAN INTEGRITI & TADBIR URUS (JITU)

A

Melaksanakan fungsi teras integriti dan tadbir urus iaitu Pengukuhan Integriti, Pengesanan & Pengesahan, Pemantauan Pelaksanaan Pengurusan Risiko Rasuah (CRM), Pengurusan Saluran Whistleblowing dan Pematuhan

B

Memastikan Pelan Integriti & Antirasuah KWSP dilaksanakan secara telus dan efektif

C

Melaksanakan inisiatif antirasuah bagi memastikan KWSP bebas rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan

D

Memupuk budaya beretika

E

Memastikan tadbir urus terbaik dilaksanakan di KWSP

F

Memberikan khidmat nasihat dan pandangan berkecuali mengenai isu integriti dan tadbir urus kepada Lembaga dan Pengurusan

G

Melaporkan kepada Jawatankuasa Integriti Pengurusan (JIP) dan Jawatankuasa Pengurusan Risiko Lembaga berkaitan isu integriti, rasuah, penyelewengan, konflik kepentingan dan salah guna kuasa

H

Mewujudkan kerjasama kukuh dengan badan-badan autoriti di dalam dan luar negara seperti Transparency International, Institut Integriti Malaysia (IIM), Minority Watchdog Group, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Governance, Integrity & Anti-Corruption Centre (GIACC), World Bank dan International Anti-Corruption Academy (IACA)

EPF INTEGRITY PILLARS



POLISI

Menyediakan polisi bagi mewujudkan kebolehpercayaan *stakeholder* kepada KWSP sebagai organisasi yang berintegriti, beretika dan ditadbir urus dengan baik.



ETIKA

Garis panduan yang menghimpunkan nilai-nilai murni individu dan organisasi untuk diterap dan diamalkan oleh setiap anggota KWSP bagi membentuk organisasi yang beretika dan berintegriti.



KOMUNIKASI

Kaedah penting dalam membentuk anggota KWSP yang menghayati dan mengamalkan nilai-nilai integriti dan beretika.




HUMAN GOVERNANCE

Satu rangka kerja yang diwujudkan untuk mengendalikan nilai kemanusiaan dan perlakuan warga kerja dalam organisasi. Pendekatan ini berasaskan psikologi yang memberikan fokus terhadap aspek kemanusiaan dalam mewujudkan modal insan yang beretika dan produktif.

PELAN INTEGRITI & ANTIRASUAH KWSP

LATAR BELAKANG

Selaras dengan pelancaran Pelan Antirasuah Nasional (NACP) pada 29 Januari 2019, Jabatan Integriti & Tadbir Urus (JITU) telah membangunkan Pelan Integriti & Antirasuah KWSP dengan mengambil kira falsafah dan inisiatif yang terdapat di dalam NACP. Pada 29 April 2020, Lembaga KWSP telah meluluskan Pelan Integriti & Antirasuah KWSP untuk dilaksanakan secara menyeluruh melibatkan semua pihak termasuk Lembaga, Pengurusan, Jabatan, Cawangan dan anggota KWSP. Berikut adalah ringkasan berkenaan pembangunan Pelan Integriti & Antirasuah KWSP.



METODOLOGI

KWSP tidak menghadapi masalah dalam membangunkan Pelan Integriti & Antirasuah KWSP kerana telah mempunyai Pelan Integriti & Tadbir Urus semenjak tahun 2015 untuk membanteras rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan. Beberapa kaedah dan mekanisme yang digunakan bagi membangunkan Pelan tersebut iaitu:

- a) Mengenal pasti bidang-bidang utama yang berisiko tinggi berlakunya rasuah dengan membangun dan melaksanakan Pengurusan Risiko Rasuah (CRM).
- b) Mengambil kira statistik dan data penting seperti jumlah ahli dan majikan, pelaburan, kawalan dalaman dan kes-kes tindakan disiplin anggota.
- c) Mendapatkan khidmat nasihat daripada Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Nasional.
- d) Mengadakan perbincangan dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Institut Integriti Malaysia dan Transparency International Malaysia.
- e) Membuat penanda aras amalan terbaik dan sesi engagement dengan beberapa organisasi korporat terkemuka dalam negara.
- f) Menjalankan kajian berkaitan inisiatif dan program integriti dan antirasuah serta perbandingan amalan terbaik industri dalam dan luar negara.



PERANAN, TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

Bagi memastikan Pelan Integriti & Antirasuah KWSP dapat dilaksanakan dengan berkesan, penglibatan serta sokongan daripada semua pihak amat diperlukan. Berikut adalah tugas dan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan:

BIL	PERANAN	TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB
1	Lembaga	<ul style="list-style-type: none">a. Melantik Jawatankuasa Pengurusan Risiko Lembaga untuk memantau pelaksanaan Pelan Integriti & Antirasuah KWSP dan mengawasi keseluruhan isu rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan;b. Memberikan kuasa kepada Ketua Pegawai KWSP untuk menubuhkan Jawatankuasa Integriti Pengurusan (JIP) bagi membantu Jawatankuasa Pengurusan Risiko Lembaga memantau pelaksanaan Pelan Integriti & Antirasuah KWSP dan mengawasi keseluruhan isu rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan.
2	Jawatankuasa Pengurusan Risiko Lembaga	<ul style="list-style-type: none">a. Membantu Lembaga KWSP melaksanakan tanggungjawabnya untuk memantau pelaksanaan Pelan Integriti & Antirasuah KWSP dan mengawasi keseluruhan isu rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan;b. Memantau pelaksanaan Pengurusan Risiko Rasuah (CRM) di KWSP; danc. Memantau pelaksanaan fungsi teras integriti iaitu menguruskan aduan integriti, pengukuhan integriti dan program komunikasi & <i>Outreach</i> yang dilaksanakan oleh Jabatan Integriti & Tadbir Urus (JITU) adalah efektif dan telus.

BIL	PERANAN	TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB
3	Jawatankuasa Integriti Pengurusan (JIP)	<ul style="list-style-type: none"> a. Membantu Jawatankuasa Pengurusan Risiko Lembaga untuk melaksanakan Pelan Integriti & Antirasuah KWSP dan melapor jika ada isu rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan kepada Jawatankuasa Pengurusan Risiko Lembaga; b. Ketua Pegawai KWSP untuk menentukan komposisi keahlian Jawatankuasa Integriti Pengurusan (JIP); c. Memastikan pelaksanaan Pengurusan Risiko Rasuah (CRM) di KWSP berjalan mengikut objektif yang ditetapkan; d. Memastikan Jabatan Integriti & Tadbir Urus (JITU) KWSP dapat melaksanakan fungsi teras integriti iaitu menguruskan aduan integriti, pengukuhan integriti dan melaksanakan Program Komunikasi & <i>Outreach</i> secara efektif dan telus; dan e. Melaporkan kepada Jawatankuasa Pengurusan Risiko Lembaga dua (2) kali setahun.

BIL	PERANAN	TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB
4	Jabatan Integriti & Tadbir Urus	<ul style="list-style-type: none"> a. Memperkasakan integriti dan membanteras rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan di KWSP; b. Merancang dan melaksanakan Pelan Integriti & Antirasuah KWSP; c. Melaksanakan fungsi teras integriti iaitu Pengurusan Aduan Integriti, Pengukuhan Integriti (Program Komunikasi & <i>Outreach</i>) dan Governans yang efektif dan telus; d. Memberi khidmat nasihat kepada Lembaga dan Pengurusan berkaitan isu integriti, rasuah, penyelewengan, konflik kepentingan dan salah guna kuasa; e. Membuat penanda aras (<i>Benchmarking</i>) dengan organisasi lain atau standard antarabangsa ke atas program integriti dan tadbir urus bagi tujuan penambahbaikan; dan f. Melaporkan kepada Jawatankuasa Integriti Pengurusan (JIP) tiga (3) kali setahun.

PELAKSANAAN PELAN INTEGRITI & ANTIRASUAH KWSP

Senarai 46 inisiatif dan status pelaksanaan Pelan Integriti & Antirasuah KWSP adalah seperti berikut:

NO	INISIATIF	JABATAN BERTANGGUNG JAWAB	STATUS PELAKSANAAN
1	Sistem pengisytiharan harta	PMD	Dilaksanakan secara berterusan
2	Pusingan kerja anggota yang memegang jawatan sensitif	PMD	Dilaksanakan secara berterusan
3	Pengisytiharan konflik kepentingan semasa proses Perolehan	JPPB	Dilaksanakan secara berterusan
4	Pelaksanaan dan pemantauan projek perlu mendapatkan pandangan & melalui jabatan teknikal (<i>Business Case</i> , kelulusan)	JPS	Dilaksanakan secara berterusan
5	Pematuhan <i>Integrity Pact</i>	JPPB	Dilaksanakan secara berterusan
6	Peruntukan/Klausu perundangan yang melindungi, mengawal selia & menjaga kepentingan berkaitan Perolehan	a) JPPB b) JUU	Dilaksanakan secara berterusan
7	Peruntukan kuasa dalam Perolehan & Kewangan (Polisi Perolehan dan Polisi Kewangan)	a) JPPB b) JKEW	Dilaksanakan secara berterusan
8	Mekanisme yang telus untuk mencegah kebocoran maklumat dalam proses Perolehan	JPPB	Dilaksanakan secara berterusan
9	Klausu standard Antirasuah dalam dokumen perjanjian yang melindungi kepentingan organisasi	JUU	Dilaksanakan secara berterusan

NO	INISIATIF	JABATAN BERTANGGUNG JAWAB	STATUS PELAKSANAAN
10	Memastikan pelantikan kontraktor penyelamat melalui tender terbuka	JPPB	Dilaksanakan secara berterusan
11	Saluran aduan berkaitan Perolehan	JPPB	Dilaksanakan secara berterusan
12	Mekanisme semak dan imbang dalam proses perolehan dengan penglibatan pegawai daripada Jabatan Pengurusan Risiko dan Jabatan Audit Dalam	JPPB	Dilaksanakan secara berterusan
13	Kaedah & pemantauan salah laku kontraktor atau perunding projek (tidak ikut spesifikasi, lewat, tidak berintegriti)	a) JPPB b) JPH	Dilaksanakan secara berterusan
14	Sistem Pemantauan Projek (Contoh: <i>Project Management work flow, RFP templates, Struktur Jawatankuasa</i>)	JPS	Dilaksanakan secara berterusan
15	Sistem eProcurement	JPPB	Dilaksanakan secara berterusan
16	Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO)	JITU	Setakat Nov. 2022, 4 Pegawai Integriti Bertauliah
17	Polisi Pengisytiharan Konflik Kepentingan	JITU	Dilaksanakan secara berterusan
18	Semua Anggota KWSP tidak melayan surat sokongan daripada individu berpengaruh yang memohon projek / perolehan	PMD	Dilaksanakan secara berterusan
19	Menjalankan kajian tahap integriti di peringkat organisasi (<i>Integrity Assessment Test</i>)	JITU	Dilaksanakan secara berterusan

NO	INISIATIF	JABATAN BERTANGGUNG JAWAB	STATUS PELAKSANAAN
20	Membangunkan <i>Dashboard</i> Integriti untuk pengemaskinian maklumat program <i>outreach</i> di kalangan anggota KWSP	JITU	Dilaksanakan secara berterusan
21	Mewujudkan inisiatif / program integriti, nilai murni, kecekapan & akauntabiliti di tempat kerja	JITU	Dilaksanakan secara berterusan
22	Menyebarkan mesej antirasuah kepada anggota melalui pelbagai saluran media	JITU	Dilaksanakan secara berterusan
23	Menyebarkan mesej antirasuah kepada anggota melalui persatuan / ceramah agama	JITU	Dilaksanakan secara berterusan
24	Program / Taklimat Integriti dalam Kursus EPF <i>Onboarding</i>	a) ELC b) JITU	Dilaksanakan secara berterusan
25	Memperkukuhkan elemen tadbir urus insan, integriti dan antirasuah melalui kursus, program integriti secara berterusan	a) JITU b) ELC c) PMD	Dilaksanakan secara berterusan
26	Memperkukuhkan program kesedaran dan keterlibatan antirasuah	JITU	Dilaksanakan secara berterusan
27	Kod Etika KWSP - Semakan semula Kod Etika KWSP	JITU	Dilaksanakan secara berterusan
28	<i>SmartFAQ</i> Integriti - Meningkatkan kesedaran anggota mengenai integriti dan etika	JITU	Dilaksanakan secara berterusan
29	Portal Integriti - Mempelbagaikan medium komunikasi dalam memperkasakan agenda integriti di KWSP	JITU	Dilaksanakan secara berterusan

NO	INISIATIF	JABATAN BERTANGGUNG JAWAB	STATUS PELAKSANAAN
30	<i>Video Edu Promo</i> Integriti - Mempelbagaikan medium komunikasi dalam memperkasakan agenda integriti di KWSP	JITU	Dilaksanakan secara berterusan
31	Membangunkan mekanisme pemantauan Pengurusan Risiko Rasuah (CRM) melalui sistem Q-Radar ke atas Jabatan yang berisiko tinggi	a) JITU b) JPR	Dilaksanakan secara berterusan
32	Melaksanakan Indeks Prestasi Integriti (IPI) untuk kawalan risiko di bawah Pengurusan Risiko Rasuah (CRM)	JITU	Dilaksanakan secara berterusan
33	Mengambil kira elemen integriti sebagai prasyarat proses kenaikan pangkat	a) PMD b) JITU	Dilaksanakan secara berterusan
34	Melaksanakan tapisan keutuhan untuk jawatan kritikal / berisiko tinggi dan pengurusan kanan	a) PMD b) JITU	Dilaksanakan secara berterusan
35	Mengenal pasti, mengkaji kelemahan dan menambah baik proses kerja & Manual Operasi yang boleh membuka ruang dan peluang kepada perlakuan rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan.	JITU	Dilaksanakan secara berterusan
36	Menjalankan kajian perlakuan beretika di peringkat anggota KWSP	JITU	Dilaksanakan secara berterusan

NO	INISIATIF	JABATAN BERTANGGUNG JAWAB	STATUS PELAKSANAAN
37	Menambah baik program pendidikan dan komunikasi integriti secara berterusan : a) Program Dimensi Integriti b) Program Refleksi Integriti c) Klinik Integriti / <i>Integrity Hawkers Day</i> d) Komuniti Integriti e) Taklimat Kesedaran Integriti ke Jabatan / Cawangan f) <i>KFair</i> (program bersama dengan ELC) g) <i>Integrity Fact-Check</i> (Hari Integriti) h) Taklimat Integriti <i>Onboarding</i> (anggota baharu)	JITU	Dilaksanakan secara berterusan
38	Memberi khidmat nasihat kepada Jabatan yang berisiko tinggi dan yang memerlukan bantuan untuk memperkemas kawalan dalaman	JITU	Dilaksanakan secara berterusan
39	Menjalankan Program Komunikasi Khas untuk anggota dalam bidang tugas yang berisiko	JITU	Dilaksanakan secara berterusan
40	Menjalankan kajian keberkesanan program integriti di peringkat Ahli Lembaga KWSP dan Pengurusan Tertinggi KWSP	JITU	Dilaksanakan secara berterusan
41	Modul <i>EPFTuned</i> Etika dan Integriti - Mengukuhkan moral dan etika anggota dengan meningkatkan kesedaran terhadap integriti dan etika	a) JITU b) ELC	Dilaksanakan secara berterusan
42	Merancang, melaksana, memantau dan menambah baik pelaksanaan inisiatif Pelan Integriti & Antirasuah KWSP	JITU	Dilaksanakan secara berterusan

NO	INISIATIF	JABATAN BERTANGGUNG JAWAB	STATUS PELAKSANAAN
43	Menggunakan kaedah <i>Anti-Bribery Management System</i> (ABMS) untuk menangani isu rasuah di KWSP - TRUST	JITU	Dilaksanakan secara berterusan
44	Polisi Pemberian dan Penerimaan Hadiah KWSP	JITU	Polisi berkaitan penerimaan & pemberian hadiah telah ada. Tetapi ia sedang ditambahbaik
45	Polisi Tajaan dan Sumbangan / Derma KWSP	JITU	Dilaksanakan secara berterusan
46	Membangunkan Polisi Antirasuah KWSP	JITU	Dilaksanakan secara berterusan

PENILAIAN DAN SEMAKAN SEMULA

Penilaian dan semakan semula terhadap keberkesanan Pelan Integriti & Antirasuah KWSP akan dilaksanakan dari semasa ke semasa bagi memastikan strategi dan Pelan Tindakan yang dirangka berjaya menangani permasalahan yang timbul.

PENUTUP

Pelan Integriti & Antirasuah KWSP adalah merupakan dokumen dasar antirasuah yang dibangunkan bagi memastikan pelaksanaan pencegahan rasuah yang berkesan di semua peringkat. Ia merupakan komitmen KWSP dalam memerangi rasuah. Semoga inisiatif – inisiatif yang digariskan ini dapat dilaksanakan pada tahap keberkesanan yang tinggi bagi memastikan KWSP bebas daripada amalan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa.



Terbitan



Oktober 2020